

Toyota Innova terbabas di selekoh sebelum menjunam ke lereng bukit sedalam 90 meter

4 gadis maut MPV jatuh gaung

Oleh NASRI JAMALUDIN
dan FARIK SALLEH
berita@kosmo.com.my

KOTA TINGGI - Empat sahabat yang baru habis menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maut manakala dua lagi parah apabila kenderaan Toyota Innova yang dinaiki mereka terbabas dan terhumban ke dalam gaung di Kilometer 33.7 Jalan Johor Bahru-Mersing di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 5.30 petang itu, mereka yang terkorban ialah Ng Sin Yun, 17; Tey Jia Xin, 17; Winnie Ng, 18, dan Ching Hui Sean, 18.

Sin Yun mati di tempat kejadian manakala Winnie, Jia Xin dan Hui Sean meninggal dunia semasa mendapat rawatan di Hospital Kota Tinggi di sini.

Pemandu kenderaan, Victor Ng Wee Tai, 17, iaitu adik Winnie dan seorang lagi rakan mereka, Chin Shi Xuan, 17, cedera parah. Victor dirawat di sebuah hospital swasta di sini manakala Shi Xuan dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru.

Difahamkan, kesemua mereka merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Kota Tinggi dan semasa kejadian mereka dalam perjalanan pulang selepas mengunjungi satu pameran pendidikan dan kerjaya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Supritendan Che Mahazan Che Aik berkata, kemalangan itu berlaku kira-kira 300 meter dari satu selekoh dan sebelum persimpangan lampu isyarat Jalan Kulaijaya-Johor Bahru-Kota Tinggi.

"Sebelum terjunam ke dalam gaung sedalam 90 meter, Toyota Innova dinaiki keenam-enam



SEORANG ahli keluarga tidak dapat menahan kesedihan atas kematian empat mangsa di Hospital Kota Tinggi semalam.



HUI SEAN

WINNIE



JIA XIN (kiri) dan Sin Yun.

mangsa itu dipercayai gagal dikawal ketika mengambil selekoh lalu melanggar bucu penghadang jalan dan merempuh papan tanda jalan," kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, semasa kemalangan jalan licin kerana hujan. Lima mangsa kecuali pemandu kenderaan itu tercampak keluar dari kenderaan itu.

Bagaimanapun, menurut beliau, polis masih menyiasat punca kejadian itu dan meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenainya menghubungi hotline polis di talian 07-2212999 atau balai polis berdekatan.

Sehubungan kemalangan itu juga, Che Mahazan menasihati pemandu supaya lebih berhati-hati dengan keadaan jalan raya yang licin kerana Johor kini mengalami musim hujan.

Sementara itu, seorang rakan mereka, Tee Heng Chong, 17, berkata, keenam-enam mangsa semasa kemalangan dalam perjalanan pulang ke Kota Tinggi.

"Kami pergi beramai-ramai dan hanya mereka berenam yang menaiki kereta sementara yang lain menggunakan bas. Kami mengunjungi pameran pendidikan dan ker-



LOKASI empat sahabat yang maut selepas tercampak keluar dari kenderaan yang terjunam ke dalam gaung di Kilometer 33.7 Jalan Johor Bahru-Mersing kelmarin.



jaya di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Johor Bahru," katanya ketika ditemui di HKT.

Dalam pada itu, salah seorang bapa mangsa terkorban yang enggan dikenali berkata, walaupun dia sedih dengan kemalangan meragut nyawa anaknya namun terpaksa menerima hakikat kehilangan

anaknya itu.

"Saya harus terima takdir dan sama sekali tidak menyalahkan pemandu kenderaan yang membawa anak saya," katanya ketika ditemui di HKT di sini semalam.

Katanya, kesemua yang terkorban dalam kemalangan itu merupakan pelajar cemerlang.